

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

### 5.0 Pendahuluan

Novel SAGA merupakan sebuah karya yang besar dan hebat sekali gus berjaya membawa pembaharuan dalam dunia penulisan novel di Malaysia. Pengarangnya, Abdul Talib Mohd. Hassan telah membuktikan kemampuannya dengan mengetengahkan dan merungkai pelbagai persoalan yang menyentuh kehidupan bangsa Melayu sekitar tahun 1970-an. Isu pembangunan dan perjuangan bangsa Melayu dilihat menjadi nadi kepada jalan cerita novel tersebut. Terdapat 37 peristiwa yang telah dikenal pasti mengandungi konsep malu orang Melayu. Peristiwa malu itu tercetus melalui komunikasi yang bersifat verbal mahupun tidak verbal. Semasa berkomunikasi, terdapat komponen-komponen komunikasi yang telah diberikan perhatian seperti aliran genre, topik, latar dan sebagainya. Melalui komponen-komponen inilah, cara seseorang itu berinteraksi dalam komuniti masyarakatnya dapat dikenal pasti. Misalnya, kita dapat melihat perubahan air muka, nada suara dan cara seseorang itu bertingkah laku melalui komunikasi. Pada dasarnya, seseorang yang santun bahasa dan bicaranya bukan sahaja dapat mengharmonikan hubungan tetapi juga memelihara 'air muka' kedua-dua belah pihak. Sebaliknya, hubungan akan menjadi renggang dan terjejas jika prinsip kesantunan berbahasa tidak dijadikan amalan.

Tatacara bertingkah laku dalam kehidupan orang Melayu adalah berasaskan kepada amalan baik dan buruk yang telah ditetapkan dalam konsep

malu. Hakikat inilah yang dikatakan telah membezakan bangsa Melayu dengan bangsa-bangsa lain yang ada di dunia ini. Menyedari hal ini, lahirlah beberapa subkonsep malu dan segan dalam kalangan masyarakat Melayu. Subkonsep tersebut terdiri daripada empat kategori, iaitu 'rasa malu', 'diberi malu', 'mendapat malu' dan 'memalukan'. Dalam masyarakat Melayu, konsep malu berkait rapat dengan konsep 'muka' atau 'air muka' yang dikatakan dapat memberikan gambaran imej dalaman mengenai diri seseorang itu. Seterusnya, ia dapat dikaitkan pula dengan konsep-konsep seperti harga diri, status dan maruah. Orang Melayu didapati sangat menjaga air muka, sama ada air muka sendiri mahupun air muka orang lain. Dengan kata lain, orang Melayu tidak rela dirinya diaibkan.

Walau bagaimanapun, kajian ini bukan hanya tertumpu kepada keperluan air muka dan kebimbangan air muka. Malah, ia turut mengambil kira cara bagaimana seseorang itu menangani emosi malu atau menguruskan air mukanya. Pada dasarnya, emosi malu bukan sahaja boleh menjejaskan air muka tetapi juga mencetuskan konflik dalam diri. Konflik dikatakan berpunca daripada gangguan dan tekanan emosi yang dihadapi oleh seseorang itu akibat daripada pelbagai masalah. Realitinya, orang Melayu agak sukar berterus terang dan meluahkan perasaannya kepada orang lain. Lazimnya, mereka akan memilih teman yang akrab dan boleh dipercayai untuk berkongsi perasaan terutamanya masalah yang bersifat peribadi. Hal ini dapat dikaitkan dengan budaya orang Melayu yang sentiasa berhati-hati dalam tutur katanya supaya tidak menyinggung perasaan dan menjadi percakapan orang lain. Sehubungan itu, mereka akan menyelesaikan

konflik peribadi dengan cara masing-masing. Kajian mendapati, bukan semua peristiwa malu mengandungi unsur konflik. Dalam konteks kajian, terdapat lima jenis gaya pengurusan konflik yang telah disenaraikan dan dipadankan dengan peristiwa malu iaitu, ‘mengelak’, ‘obligasi’, ‘kompromi’, ‘dominasi’ dan ‘integrasi’. Adat dan budaya merupakan antara elemen penting yang mempengaruhi gaya pengurusan konflik seseorang itu. Walau bagaimanapun, individu yang bersikap rasional dan matang akan dapat menguruskan konfliknya dengan baik.

Secara keseluruhannya, Bab 5 ini akan membuat kesimpulan mengenai konsep malu orang Melayu dalam novel SAGA. Perbincangan tertumpu kepada kategori tertinggi dalam subkonsep malu dan segan, gaya pengurusan air muka dan gaya pengurusan konflik. Selain itu, terdapat satu subtopik yang akan membincangkan mengenai jati diri orang Melayu. Dalam novel SAGA, aspek-aspek yang dapat menyerlahkan jati diri orang Melayu, ialah agama, budi bahasa, adat, sistem nilai dan pemikiran. Aspek-aspek ini kemudiannya akan dikaitkan dengan konsep malu sehingga dapat membentuk identiti atau jati diri orang Melayu. Berdasarkan perincian tersebut, adalah dijangkakan pembaca dapat menghayati konsep malu orang Melayu dengan lebih baik lagi. Selanjutnya, Bab ini akan menyarankan beberapa cadangan untuk memperluas lagi kajian mengenai konsep malu orang Melayu pada masa hadapan.

## **5.1 Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini boleh dibahagikan kepada empat bahagian utama, iaitu:

1. 'Rasa Malu' - Subkonsep Malu dan Segan Orang Melayu
2. 'Tuntutan Air Muka' - Gaya Pengurusan Air Muka Orang Melayu
3. 'Dominasi' - Gaya Pengurusan Konflik Orang Melayu
4. Jati Diri Orang Melayu dalam Novel SAGA

#### **5.1.1 'Rasa Malu' - Subkonsep Malu dan Segan Orang Melayu**

Berasaskan novel SAGA, terdapat empat subkonsep malu, iaitu 'rasa malu', 'di beri malu', 'mendapat malu' dan 'memalukan'. Kewujudan keempat-empat subkonsep malu ini menunjukkan bahawa, orang Melayu sangat mementingkan sifat dan emosi malu. Subkonsep 'rasa malu' didapati paling tinggi kekerapannya, iaitu 26 kali berbanding subkonsep yang lain. Dalam kebanyakan peristiwa malu, 'rasa malu' ini muncul apabila seseorang itu merasa rendah diri dan hilang keyakinan diri. Perasaan rendah diri yang menebal itu telah menyebabkan individu tersebut tidak dapat melihat potensi yang ada dalam diri mereka. Dengan kata lain, mereka hanya melihat kekurangan atau kelemahan diri sehingga terlupa kepada kelebihan yang dimiliki. Akibatnya, mereka mudah merasa malu sehingga menyekat kebebasan bertingkah laku. Faktor-faktor yang menyebabkan 'rasa malu' dan contoh peristiwa malu telah pun dihuraikan dalam Bab 4, muka surat 288 hingga 289.

Sorotan kajian oleh Mulyadi dalam Bab 2 (muka surat 76-82), dapat dikaitkan dengan perasaan malu dalam diri individu. Emosi malu dikategorikan sebagai salah satu komponen emosi negatif yang kompleks sifatnya. Antara lain ekspresi malu ini muncul apabila seseorang itu diejek dan dimarahi. Seterusnya, makna malu mempunyai hubungan dengan konsep penglihatan, iaitu reaksi daripada perasaan malu. Konsep penglihatan ini merujuk kepada situasi seseorang, yang merasa malu untuk bertemu dengan temannya. Penjelasan ini secara tidak langsung dapat menghuraikan tentang peristiwa malu yang berlaku dalam novel SAGA. Misalnya, peristiwa 1 menceritakan keadaan Seman, yang merasa malu untuk menyapa sahabat lamanya. Ekspresi malu ini tercetus apabila Seman merasa rendah diri terhadap imej peribadinya, sehingga beranggapan orang lain juga memandangnya sedemikian. Dalam ilmu psikologi, perasaan rendah diri ini dianggap sebagai penyakit jiwa, yang boleh menyebabkan seseorang itu bersikap negatif terhadap orang lain.

Shaharuddin Maaruf dalam Bab 2 (muka surat 90-94), melihat perasaan rendah diri sebagai sifat negatif yang mengaibkan bangsa Melayu. Selain itu, perasaan rendah diri ini juga turut menghakis jati diri mereka sebagai orang Melayu. Kritikan dan pandangan Shaharuddin itu bolehlah dianggap sebagai satu cabaran. Orang Melayu perlu membuktikan, perasaan rendah diri bukanlah satu sifat negatif, tetapi merupakan tradisi kesopanan yang diamalkan oleh orang Melayu. Ia bermakna, perasaan rendah diri merupakan sifat positif dan lambang jati diri orang Melayu. Justeru, orang Melayu hendaklah memberikan cerminan imej terbaik apabila mempamerkan perasaan rendah diri.

Apabila membicarakan perasaan rendah diri, maka kita juga boleh menghubungkannya dengan budaya orang Melayu. Dalam budaya Melayu, orang Melayu diasuh agar tidak bersifat meninggi diri, tetapi memperlihatkan kerendahan diri. Sifat ini kemudiannya telah diterima sebagai “peribadi” bangsa Melayu. Ia menjadi lambang kehalusan dan kelembutan orang Melayu dalam tradisi kesopanannya yang tersendiri. Orang yang merendah diri dikatakan malu bercakap besar, malu mengangkat diri dan malu memperkecilkan orang lain. Mereka sangat berhati-hati apabila menuturkan kata-kata supaya tidak dianggap sombong atau bongkak. Dalam konteks sosial, sifat merendah diri seharusnya tidak membataskan orang Melayu daripada bersikap proaktif, positif dan berani memberikan pendapat secara terbuka. Walau bagaimanapun, keberanian dan keterbukaan ini tidak bermakna orang Melayu mesti bersikap kurang ajar, mengutuk, menghina dan mengaibkan orang lain. Hal ini ternyata bertentangan dengan dapatan kajian, yang menunjukkan perasaan malu telah menjadikan orang Melayu merasa rendah diri hingga memberi kesan negatif.

Berdasarkan perbincangan di atas, orang Melayu mesti mengubah fikiran dan sikap mereka terhadap perasaan malu. Mereka mesti menjadikan perasaan malu kurniaan Tuhan itu, sebagai alat untuk meningkatkan ketakwaan kepada Allah. Takwa berlaku secara praktikal dan mencerminkan imej yang baik dalam hubungan mendatar dan menegak bagi seseorang manusia. Dalam hal ini, orang yang mengasingkan diri daripada masyarakat sukar untuk mencapai taraf manusia bertakwa. Sebaliknya, orang yang bertakwa akan bercampur gaul, tidak mengasingkan diri dan hidup dalam konteks sosial yang luas.

### 5.1.2 'Tuntutan Air Muka' - Gaya Pengurusan Air Muka Orang Melayu

Gaya pengurusan air muka orang Melayu dalam novel SAGA terbahagi kepada empat kategori, iaitu 'baik pulih air muka', 'jaga air muka', 'tuntutan air muka' dan 'beri muka'. Kategori 'tuntutan air muka' didapati paling tinggi kekerapannya, iaitu 16 kali berbanding kategori yang lain. Air muka membawa pengertian yang mendalam kepada orang Melayu kerana ia dapat menggambarkan emosi dalaman seseorang itu. Justeru, orang Melayu sangat berhati-hati ketika berkomunikasi kerana bimbang akan menjejaskan air muka sekali gus mengaibkan orang lain. Kajian mendapati, orang Melayu boleh berlembut dalam banyak perkara tetapi bukan dalam hal-hal yang melibatkan harga diri, status dan maruah. Tidak ada kompromi dalam hal ini, malah mereka sanggup bertindak agresif demi mempertahankan diri daripada dimalukan. Faktor-faktor yang menyebabkan gaya pengurusan 'tuntutan air muka' dan contoh peristiwa malu telah pun dihuraikan dalam Bab 4, muka surat 294.

Secara prinsipnya, orang Melayu tradisional mengamalkan perkongsian dalam apa jua perkara. Dengan kata lain, susah dan senang dikongsi bersama ibarat kata pepatah, "*ringan sama dijinjing, berat sama dipikul*". Adat hidup bermasyarakat yang memberatkan pihak lain menunjukkan bahawa orang Melayu mengutamakan kepentingan seluruh anggota masyarakat. Hal ini dapat dikaitkan dengan keperluan menjaga air muka (*face saving*) dan memberi muka (*face giving*), yang dapat menggambarkan nilai kesantunan orang Melayu. Ia

kemudiannya dihubungkan dengan ‘air muka positif’, yang merujuk kepada keperluan untuk lebih dihormati, dihargai dan diterima sebagai anggota kumpulan. Walau bagaimanapun, orang Melayu akan bertindak untuk melindungi dan mempertahankan keperluan sendiri, apabila mendapati air mukanya telah terjejas. Dalam konteks kajian, gaya ‘tuntutan air muka’ menjadi satu kemestian kepada orang Melayu apabila maruah dan harga dirinya telah tercalar. Malah, mereka sanggup bertindak langsung jika peristiwa aib itu melibatkan nama baik keluarga dan keturunan. Melalui gaya ‘tuntutan air muka’, orang Melayu berusaha menegakkan kebenaran demi menjaga nama baik diri dan keluarga. Misalnya, peristiwa 24 (muka surat 252) dan peristiwa 28 (muka surat 264) menunjukkan sikap keras orang Melayu apabila diri dan keluarganya diaibkan. Selain itu, orang Melayu juga mempunyai alasan yang tersendiri apabila memilih gaya ‘tuntutan air muka’. Hal ini dapat diperhatikan melalui peristiwa 1 dan peristiwa 6, seperti dihuraikan di muka surat 294.

Secara keseluruhannya, gaya ‘tuntutan air muka’ melambangkan sebahagian daripada peribadi orang Melayu, yang berani mempertahankan maruah diri. Walau bagaimanapun, keberanian itu tidak seharusnya ditonjolkan dalam bentuk kekerasan atau tindakan langsung. Hal ini bukan sahaja memburukkan lagi keadaan malah boleh mengancam nyawa. Selain itu, membalas perbuatan orang lain dengan kekerasan adalah bertentangan dengan ajaran Islam dan bukan budaya orang Melayu. Oleh itu, orang Melayu yang



memilih gaya ‘tuntutan air muka’, hendaklah memastikan tindak-tanduknya terkawal sesuai dengan norma-norma kehidupan.

### 5.1.3 ‘Dominasi’ - Gaya Pengurusan Konflik Orang Melayu

Perbezaan pendapat adalah perkara lumrah dalam kehidupan manusia. Jika tidak, mana mungkin Allah S.W.T memerintahkan agar manusia yang berbeza latarbelakangnya saling berkenal-kenalan. Tujuannya, manusia mengenal dan menerima perbezaan orang lain, seterusnya mengukuhkan iman dalam diri. Terdapat lima gaya pengurusan konflik orang Melayu dalam novel SAGA, iaitu ‘dominasi’, ‘kompromi’, ‘mengelak’, ‘integrasi’ dan ‘obligasi’. Kategori ‘dominasi’ didapati paling tinggi kekerapannya, iaitu 4 kali berbanding kategori yang lain. Faktor-faktor yang menyebabkan gaya pengurusan konflik ‘dominasi’ dan contoh peristiwa malu telah pun dihuraikan dalam Bab 4, muka surat 297. Dalam konteks kajian, gaya pengurusan konflik ditentukan oleh emosi malu. Walau bagaimanapun, seseorang yang mengalami emosi malu tidak semestinya akan mengalami konflik. Ini berlaku apabila emosi malu itu tidak memberikan tekanan atau mencetuskan pertengkaran.

Dalam budaya Melayu, setiap perselisihan atau konflik hendaklah diselesaikan secara dalaman dan perlahan-perlahan. Jika boleh, mereka cuba mengelak daripada berkongsi konflik tersebut dengan orang luar. Hal ini bolehlah dikaitkan dengan ungkapan, “*seperti menarik rambut dalam tepung, rambut jangan putus, tepung jangan berserak*” dan, “*memakan betul-betul habis,*

*bersembunyi betul-betul hilang*”. Dalam novel SAGA, kebanyakan peristiwa malu yang mencetuskan konflik dibincangkan sesama anggota keluarga atau rakan akrab, dan berlaku di dalam rumah.

Individu yang memilih gaya ‘dominasi’ digambarkan sebagai orang yang panas baran, sehingga sukar untuk bertindak secara rasional dalam menghadapi perbezaan pendapat. Dalam konteks kajian, konflik berlaku apabila seseorang yang mengalami peristiwa malu tidak dapat mengawal emosi malu dalam dirinya. Peristiwa malu itu selalunya berkait rapat dengan maruah dan harga diri. Oleh itu, individu tersebut akan memilih gaya dominasi, iaitu berkeras dengan keputusannya dan tidak akan mengalah. Gaya pengurusan konflik ‘dominasi’ selalunya berlaku dalam kalangan budaya konteks rendah (orang Barat), yang lebih mementingkan diri sendiri. Namun, budaya konteks tinggi (orang Timur) juga tidak terkecuali daripada memilih gaya ini, terutamanya apabila ia melibatkan ‘air muka’. Misalnya, peristiwa 11 (muka surat 217) dan peristiwa 12 (muka surat 221) memaparkan peribadi Saerah yang degil, kasar dan tidak mahu mendengar kata. Oleh kerana terdesak untuk menjaga air mukanya, Saerah tidak dapat melihat kebenaran sehingga sanggup menghukum Munirah sebagai orang yang bersalah. Dalam peristiwa 24 (muka surat 253 ) dan peristiwa 36 (muka surat 280) pula, faktor maruah dan harga diri telah menyebabkan Hisyam dan Tok Batin menangani konfliknya melalui gaya ‘dominasi’.

Dalam menyelesaikan sesuatu konflik, orang Melayu tidak boleh mengambil jalan mudah. Pihak yang bertelagah harus berdepan secara berani

dengan niat menegakkan kebenaran. Bersemuka dan berunding merupakan jalan terbaik bagi menyelesaikan konflik. Namun, hujah emosi tidak boleh digunakan. Sebaliknya, kita mesti menggunakan akal yang rasional supaya konflik tersebut dapat diselesaikan dalam semangat ukhuwah dan persaudaraan.

#### **5.1.4 Jati Diri Orang Melayu dalam Novel SAGA**

Secara asasnya, jati diri ialah identiti individu, masyarakat dan negara bangsa yang mempunyai sifat-sifat keutuhan yang dibanggakan. Dengan kata lain, jati diri mendasari citra dan imej sesebuah bangsa. Dalam konteks kajian, orang Melayu yang memiliki jati diri, ialah orang yang berpegang kuat kepada ajaran Islam, memartabatkan bahasa Melayu dan beradat Melayu. Daripada ketiga-tiga ciri utama ini, maka lahirlah ciri-ciri lain yang dapat memantapkan lagi jati diri orang Melayu. Dalam novel SAGA, jati diri orang Melayu terserlah dalam beberapa aspek kehidupan. Hal ini akan dibincangkan secara mendalam dalam subtopik ini.

##### **i. Agama**

Agama hendaklah menjadi pegangan dan asas dalam kehidupan, kerana agamalah yang memartabatkan kehidupan dan tamadun manusia. Bila seseorang itu ada pegangan, maka dia akan redha dengan setiap yang diberikan oleh Allah, sama ada ketentuan baik atau buruk. Tanpa agama, manusia akan terumbang ambing tanpa haluan. Dalam masyarakat Melayu, Islam merupakan teras penting membentuk kepercayaan. Kepercayaan kepada Allah S.W.T. sebagai Pencipta Yang Esa telah merevolusikan sistem kepercayaan masyarakat Melayu dengan

berpegang teguh kepada Al-Quran dan Sunnah. Malah, perkataan Melayu dan Islam tidak dapat dipisahkan dalam konteks pendefinisian jati diri Melayu itu sendiri. Dengan Islam, jati diri orang Melayu telah menjadi lebih hebat dan kuat. Dalam konteks kajian, orang Melayu sedar bahawa sifat malu itu adalah separuh daripada iman, iaitu mempunyai kedudukan yang tinggi. Walau bagaimanapun, ramai juga yang gagal menghayati dan mengaplikasikan sifat dan emosi malu dalam kehidupan seharian, sebagaimana yang dituntut oleh ajaran Islam. Akibatnya, mereka tidak lagi memiliki perasaan takut terhadap Allah, sehingga sanggup melakukan kekasaran dan kemungkaran sesama manusia. Hal ini ditunjukkan dalam peristiwa 10, 11,12, 20, 23, 25, 26 dan 36.

Dalam novel SAGA, terdapat beberapa peristiwa yang menunjukkan nilai-nilai asas agama telah sebatikan dalam kehidupan orang Melayu. Mereka mempunyai jiwa kehambaan yang tinggi, iaitu patuh, taat, akur dan tunduk kepada suruhan Allah. Maknanya, manusia tersebut insaf akan kekerdilannya dan sentiasa memohon keredhaan Allah. Jiwa kehambaan ini kemudiannya ditunjukkan menerusi kata-kata yang sopan dan perlakuan terpuji. Dalam novel SAGA (muka surat 70), ayah Rahmat, iaitu Pak Utih Rahman digambarkan sebagai orang Melayu yang baik sahsiah dan akhlaknya. Hal ini dapat diperhatikan melalui kata-kata yang dituturkan, *“Jalil!” Ayah Rahmat bersuara tegas, kesal. “Fikirlah sendiri. Kau boleh menipu kami dan menipu sesiapa sahaja sehingga kakak ipar kau menjadi mangsa daripada penipuan itu. Tetapi ingatlah kepada Tuhan. Dia maha menyaksikan... Kalau kau fikir, kau yang tidak bersalah, dan Munirah yang*

*bersalah, aku tidak dapat berbuat apa-apa, terpulanglah kepada abang kau dan Munirah sendiri. Tetapi, kalau kau yang betul-betul bersalah, pergilah minta maaf dengan abang dan kakak iparmu itu. Dan, pergi hebahkan kepada orang-orang kampung supaya anak-anak mereka dibenarkan bersekolah esok.”* Kata-kata tersebut jelas menggambarkan keperibadian Pak Utih Rahman yang tinggi agamanya, adil dan bijaksana menangani masalah keluarga. Walaupun peristiwa aib itu melibatkan anak tirinya Jalil dan menantunya Munirah, Pak Utih Rahman tetap berpegang kepada kebenaran. Malah, beliau sanggup mengetepikan perasaan malunya terhadap masyarakat kampung, kerana perasaan malunya terhadap Allah mengatasi segala-galanya. Inilah yang dikatakan lambang jati diri orang Melayu, iaitu sentiasa mendahulukan ajaran Islam dalam kehidupannya.

Selain itu, terdapat juga peristiwa dalam novel SAGA (muka surat 177) yang menunjukkan kekuatan iman orang Melayu, iaitu kembali kepada agama apabila ditimpa musibah. Hal ini dinyatakan, *“Kak Long ingat siapa yang membakar?” tanya Masita ketika kami masak di dapur. “Tak tahulah kak nak cakap. Kita pun tak boleh tuduh orang tak tentu, berdosa,” balasku. “Ah lambat laun, tentu diketahui juga,” emak menyampuk. “Kerja hasad tidak disukai Tuhan. Kalau nak tahu lekas senang saja, Sembahyang Hajat. Allah tentu tidak menafikan permintaan kita”*. Berdasarkan perbualan di atas, orang Melayu telah membentuk fikiran dan cara hidupnya berdasarkan kepatuhan kepada ajaran Islam. Mereka percaya, Allah mengetahui setiap perkara yang dilakukan oleh umat manusia. Setiap perbuatan manusia, baik dan buruk pasti akan mendapat

balasan daripada Allah. Selain itu, mereka juga yakin kepada konsep doa dan tawakal. Berasaskan konsep ini, orang Melayu bermohon dan meminta pertolongan daripada Allah, untuk mengabulkan permintaan umatnya. Dengan berdoa, orang Melayu telah membuktikan penghambaannya kepada Allah, iaitu tidak bergantung kepada sesuatu yang lain, selain daripada Allah S.W.T. Inilah jati diri orang Melayu, yang sentiasa taat dan tunduk kepada Penciptanya.

Selain itu, baik buruk perilaku seseorang itu banyak bergantung kepada asuhan dan didikan agama yang diterimanya. Dalam hal ini, ibu bapa memainkan peranan yang penting untuk membentuk jati diri keislaman yang kukuh dalam diri anak-anak. Mereka perlu dididik dengan akhlak-akhlak mulia supaya kelak akan membesar sebagai seorang manusia yang soleh, mempunyai nilai diri, mengetahui dan menunaikan tanggungjawab serta jauh daripada penyelewengan. Dalam novel SAGA (muka surat 100), hal ini dapat diperhatikan pada watak Masita yang menyatakan, *“Entahlah kak. Pada fikir saya, kenduri kecil lagi baik. Tak banyak keluar duit, tak juga membazir. Agama Islam kan menegah kita membazir. Kerja membazir itu adalah kerja syaitan. Orang yang membazir itu sahabatnya syaitan,”* ucap Masita, lancar. Kata-kata yang diucapkan oleh Masita itu menunjukkan beliau mempunyai asas agama yang kukuh. Walaupun Masita masih muda, tetapi didikan agama yang telah sehati menjadikan beliau patuh kepada amalan-amalan Islam. Peribadi Masita ini seharusnya dijadikan contoh oleh generasi muda Islam, supaya mereka bangkit menjadi generasi yang berperadaban tinggi.

Secara keseluruhannya, jati diri orang Melayu itu dinilai berdasarkan keteguhannya berpegang kepada ajaran agama Islam yang sebenar, iaitu tidak bercampur dengan sebarang bentuk fahaman, pegangan dan amalan yang salah. Sesungguhnya, tidak ada jalan yang lebih berkesan untuk mengembali dan meningkatkan kekuatan jati diri orang Melayu, melainkan dengan cara mengembalikan mereka kepada penghayatan agama yang sebenar, berdasarkan asas-asas pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah.

## **ii. Budi Bahasa**

Dalam budaya Melayu, budi menjadi teras pembentukan ilmu, pemikiran dan kelakuan orang Melayu. Justeru, terbentuklah empat ungkapan budaya, iaitu “akal budi”, “budi pekerti”, “budi bahasa” dan “budi bicara”. Dalam hubungan ini, bahasa memainkan peranan penting dalam menentukan kedudukan keempat-empat ungkapan budaya ini. Maknanya, ketinggian atau kerendahan budi manusia itu boleh dinilai berdasarkan bahasa yang digunakan. Misalnya, jika seseorang itu dikatakan, “tidak ada bahasa” atau “tidak tahu bahasa”, ini bermaksud orang itu tidak mempunyai adab dan sopan. Oleh itu, elemen budi bahasa menjadi sebahagian daripada teras pembentukan jati diri orang Melayu, yang terkenal dengan kelembutan dan kehalusan. Orang yang berakal budi, ialah orang yang bercakap mengikut tertib dan bertindak mengikut adab. Mereka mengungkapkan pertuturan dengan menggunakan bahasa yang indah, istilah yang tepat, betul, baik dan makna yang benar. Hal ini dapat diperhatikan dalam novel SAGA (muka surat 131), menggambarkan sikap Rahmat yang sangat berhati-hati sebelum menuturkan bicara.

Dalam novel SAGA, Rahmat bermonolog, *“Aku kaget sekali ketika itu. Bagaimanakah agaknya aku hendak menimbulkan percakapan yang tepat, yang halus, yang mudah dimengerti dan diterima oleh Long Nemat”*. Pendekatan yang diambil oleh Rahmat ini jelas menunjukkan ketinggian budi bahasa Rahmat yang tahu menghormati orang lain, terutamanya orang yang lebih tua. Perlakuan Rahmat ini juga merupakan sebahagian daripada perkara yang terkandung dalam konsep malu, iaitu menjaga tutur kata supaya tidak memalukan atau menyinggung perasaan orang lain. Walaupun Rahmat jauh lebih muda daripada Long Nemat, tetapi usia bukan penghalang untuk Rahmat berfikir secara matang dan bijaksana. Paparan peristiwa ini juga secara tidak langsung dapat mengubah persepsi negatif terhadap orang muda, yang selalu digambarkan sebagai terburu-buru, panas baran, tidak beradab dan sebagainya.

Selain daripada kesopanan berbahasa, cara orang Melayu bertingkah laku juga merupakan sebahagian daripada budi bahasa. Tingkah laku merangkumi amalan seperti bersalam, menunjukkan muka yang manis, melayan tetamu, menghidangkan juadah, mempersilakan tetamu duduk, duduk bersimpuh dan sebagainya. Cara bertingkah laku ini bukan bersifat budaya orang Melayu semata-mata, tetapi juga berlandaskan kepada tuntutan agama. Walau bagaimanapun, senario hari ini menunjukkan ada dalam kalangan orang Melayu yang sudah lupa, atau tidak lagi mengamalkan tingkah laku ini. Hakikatnya, golongan ini semakin hilang jati dirinya sehingga mudah dipengaruhi oleh arus globalisasi. Dalam novel SAGA, terdapat beberapa peristiwa yang menitikberatkan tingkah laku yang



beradab. Orang yang beradab dikatakan tahu menjaga perlakuannya terhadap orang lain demi keharmonian diri, keluarga dan masyarakat. Misalnya, di muka surat 22 novel SAGA memaparkan pengalaman Munirah, yang pertama kali bertemu dengan ibu mentuanya. Munirah telah menghulurkan tangan, bersalaman dan menciumi tangan mentuanya, sebagai tanda penghormatan. Tingkah laku seperti ini sememangnya dituntut oleh agama, selain menjadi amalan biasa dalam budaya orang Melayu.

Kebijaksanaan akal Melayu yang mementingkan kehalusan budi turut terpancar melalui cara orang Melayu dahulu berfikir dan memberikan pendapat. Misalnya, orang Melayu bijak mengungkapkan pandangannya tentang sesuatu perkara secara halus, iaitu dengan menggunakan bahasa kiasan. Hal ini dapat diperhatikan dalam novel SAGA (muka surat 62), semasa Rahmat memberikan ucapan pada hari pertama persekolahan bermula. Dalam ucapannya, Rahmat menyeru kepada kanak-kanak supaya mempunyai semangat yang tinggi untuk belajar dan tidak bersikap seperti, "*hangat-hangat tahi ayam*". Ibu bapa pula mestilah memberikan sokongan dan kerjasama untuk memastikan kejayaan anak-anak. Ungkapan yang digunakan oleh Rahmat ini secara tersiratnya memberi mesej kepada orang Melayu, supaya janganlah hanya bersemangat melakukan sesuatu itu pada peringkat permulaan sahaja. Sebaliknya, semangat yang baik itu mestilah dikekalkan sepanjang masa. Penggunaan kiasan secara tidak langsung dapat memperlihatkan aliran pemikiran perucap, yang mengutamakan kesantunan berbahasa dalam percakapannya. Inilah jati diri orang Melayu, sangat berhati-hati

dalam percakapannya sekali gus memancarkan budaya dan kehidupan orang Melayu, yang tinggi budi bahasanya.

Berdasarkan contoh-contoh peristiwa dalam novel SAGA, budi bahasa yang baik mencerminkan betapa tingginya martabat dan darjat seseorang itu. Dalam hubungan ini, orang Melayu mesti menjadikan budi bahasa sebagai penanda jati diri. Budaya berbudi bahasa bukan sekadar perlu dipertahankan, bahkan mesti diperkayakan lagi. Seterusnya, sentiasa berkesinambungan untuk diwarisi daripada generasi ke generasi akan datang.

### **iii. Adat**

Adat Melayu yang diamalkan oleh seluruh umat Melayu merupakan salah satu warisan peradaban dunia. Ia bukan sekadar kebiasaan, keresaman, istiadat, tetapi juga suatu cara hidup, yang meliputi persoalan fitrah manusia dan peraturan kehidupan. Sistem adat dan peraturan bermasyarakat yang terdapat dalam budaya Melayu adalah bersendikan agama, selari dengan ungkapan “*adat bersendi syarak, syarak bersendi kitabullah*”. Orang Melayu mentakrifkan adat sebagai hukum-hukum, norma-norma dan peraturan yang perlu diikuti oleh setiap anggota masyarakat. Adat merupakan kebiasaan dan kelaziman yang menjadi amalan meluas dalam keseluruhan cara hidup orang Melayu. Melalui tradisi adat, peraturan sosial (*social order*) orang Melayu dapat ditentukan bagi mencapai keharmonian dan kestabilan sosial. Orang Melayu menyedari pentingnya tradisi adat dipertahankan dan mereka sentiasa menyanjung tinggi tradisi adat itu.

Dengan menjaga dan mengekalkan adat bermakna orang Melayu telah mempertahankan identiti budaya dan bangsa Melayu.

Berasaskan kepada novel SAGA, terdapat empat kategori adat yang menjadi pegangan masyarakat Melayu iaitu:

1) Adat yang sebenar adat - Ia merujuk kepada adat yang hakiki iaitu hukum alam yang semula jadi dan tidak dapat diubah melainkan oleh-Nya. Orang Melayu seharusnya berpegang kepada adat ini dan menjadikan ikhtibar dalam menjalani kehidupan seharian. Contohnya:

- *Menerima hakikat bahawa jodoh, pertemuan, ajal dan maut telah diatur dan ditentukan oleh Allah. Begitu juga dengan kematian Masita. Walaupun pahit untuk diterima tetapi sebagai hamba-Nya, kita perlu akur bahawa sudah takdirnya dia menemui Ilahi dalam usia yang masih muda. Namun, kita yang masih hidup perlu meneruskan kehidupan seperti biasa (muka surat 279).*
- *Rahmat menasihati Munirah supaya tidak terlalu memikirkan tentang isu anak sebaliknya menganggap ia sebagai takdir Allah (muka surat 130).*

2) Adat yang diadatkan - Peraturan, hukuman dan norma kepada segala pola kelakuan dan pemikiran manusia yang perlu dipatuhi oleh anggota masyarakat. Ia boleh dilakukan sama ada secara denda atau pemberian nasihat dan amaran. Setiap anggota masyarakat dituntut untuk mematuhi segala peraturan yang telah disepakati sejak turun-temurun. Ini secara tidak langsung

dapat memantapkan sistem nilai orang Melayu yang menjunjung tinggi kedaulatan undang-undang dan sistem keadilan. Contohnya:

- *Pak Utih Rahman meminta anaknya Jalil memohon maaf kepada Rahmat dan Munirah jika benar dia telah melakukan kesalahan. Hal ini menunjukkan bahawa Pak Utih yang juga merupakan ketua kampung merupakan seorang yang telus dan adil dalam menilai tingkah laku seseorang itu. Tidak ada pilih kasih dalam melaksanakan hukuman walaupun melibatkan anak sendiri (muka surat 70 dan 71).*

3) Adat istiadat - Peraturan dan penyusunan yang lebih formal dan perlu diikuti apabila meraikan upacara-upacara tertentu. Contohnya:

- *Upacara membuka jalan. Kenduri telah diadakan bersama dengan upacara menyemah dan berjamu serta dengan pembakaran kemenyan oleh Pawang. Selain itu, doa selamat juga diadakan (muka surat 73).*
- *Malam berinai merupakan antara upacara yang akan dilakukan sebelum mengadakan majlis perkahwinan (muka surat 375).*

4) Adat resam - Amalan dan perbuatan yang menjadi kebiasaan dan kelaziman bagi orang Melayu terutamanya dalam kalangan masyarakat kampung. Contohnya:

- *Apabila berjumpa seseorang itu lazimnya akan bersalaman, bertanyakan khabar, berjenaka sedikit kalau boleh berjenaka, minta diri, bersalaman semula, mengucapkan selamat dan mengirinkan salam (muka surat 36).*

- *Majlis perkahwinan merupakan antara majlis yang sangat dipentingkan oleh masyarakat kampung. Mereka akan bergotong royong membantu keluarga pengantin seperti menyumbang ayam, itik, beras kunyit dan sebagainya selagi terdaya (muka surat 38).*

Secara keseluruhannya, masyarakat Melayu dalam novel SAGA berpegang teguh kepada adat resam, kerana ia dipercayai mempunyai kesan dalam kehidupan. Bagi masyarakat Melayu, orang yang beradat, ialah orang yang memiliki keperibadian yang baik, iaitu beriman dan bertakwa kepada Allah. Dalam konteks budaya, adat telah diketengahkan sebagai sebahagian daripada kebudayaan orang Melayu. Oleh itu, bangsa Melayu hendaklah mengamalkan adat Melayu secara lazim supaya dapat mengekalkan kelangsungan adat Melayu, sebagai salah satu warisan peradaban dunia.

#### **iv. Sistem Nilai**

Sistem nilai dan sosial masyarakat Melayu sangat kuat terikat dengan adat dan budaya yang diwarisi melalui proses pembudayaan daripada generasi tua kepada generasi muda zaman-berzaman. Ia kemudiannya disosialisasikan ke dalam diri individu, kelompok, komuniti dan masyarakat. Sistem nilai mesti ada dan perlu diterima oleh sebilangan besar anggota masyarakat untuk menjamin kewujudan dan kekekalannya. Dalam masyarakat Melayu, sistem nilainya adalah bersandarkan kepada agama Islam yang mempunyai hubungan tiga dimensi, iaitu hubungan manusia dengan Tuhan, manusia dengan manusia dan manusia dengan alam. Nilai yang paling utama adalah berpandukan hubungan antara manusia

dengan Tuhan. Justeru, orang Melayu yang beragama Islam wajib taat kepada perintah Allah dan berpegang kepada Al-Quran dan Sunnah. Nilai inilah yang menjadi ukuran dan pegangan dalam menentukan baik buruknya perilaku seseorang itu. Dalam hubungan ini, konsep malu merupakan sebahagian daripada perkara yang terkandung dalam sistem nilai orang Melayu. Selain itu, terdapat nilai-nilai murni yang lain seperti sentiasa proaktif, berani, berfikiran positif, sabar, bertindak dengan rasional, adil dan sebagainya.

Dalam novel SAGA, nilai kekeluargaan sangat dititikberatkan. Masyarakat Melayu percaya, keluarga merupakan agen sosialisasi yang dapat menyediakan mereka dengan asas pengetahuan mengenai adat dan budaya, sebelum diterima masuk ke dalam kelompok masyarakatnya. Hubungan kekeluargaan orang Melayu terbahagi kepada tiga jenis, iaitu hubungan darah dan keturunan, hubungan angkat dan hubungan perkahwinan. Dalam hubungan darah dan keturunan, ikatan kekeluargaannya didapati lebih erat dan tidak dapat diputuskan sehingga ke akhir hayat. Hal ini dapat diperhatikan dalam novel SAGA (muka surat 349), apabila Rahmat sanggup bersabar dengan sikap Jalil yang kurang ajar dan selalu menimbulkan perbalahan, demi menjaga hubungan baik dengan ibu tirinya. Rahmat sedar yang Jalil bersalah, tetapi pada masa yang sama dia berusaha untuk mengelakkan pergaduhan dalam keluarga. Ini jelas seperti mana yang dinyatakan, *“Tetapi mereka juga di bawah undang-undang. Mereka juga tidak kecuali untuk menghormati undang-undang. Kalau mereka menganggap aku kecut, dayus... biarkan. Aku selamat sekarang walaupun hampir*

*menemui maut. Sungguhpun perkara ini soal keselamatan negara, tetapi urusan kekeluargaan masih menebal. Aku mahu menyelesaikannya mengikut perhitungan keluarga”.*

Bagi memupuk nilai kekeluargaan, ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam mendidik anak-anak supaya sentiasa berkelakuan baik, berbudi bahasa, mematuhi arahan, menghormati orang lain dan selalu bertindak dalam lingkungan peraturan dan norma yang ditetapkan. Anak-anak yang tidak mengamalkan nilai murni mencerminkan kegagalan ibu bapa dalam mendidik mereka. Dalam novel SAGA, rasa hormat terhadap ahli keluarga ditunjukkan melalui penggunaan sistem panggilan seperti Pak Ngah Baki, Pak Usu Rauf, Mak Ngah Saarah, Kak Long dan sebagainya. Hal ini menunjukkan terdapat peraturan sistem panggilan dan sapaan dalam masyarakat Melayu sejak dahulu lagi. Penggunaan sistem panggilan bukan sahaja menimbulkan tanda hormat kepada keluarga yang tua, tetapi dapat mengekalkan keharmonian dan kemesraan dalam keluarga. Jika sistem panggilan keluarga ini tidak lagi diamalkan dalam kehidupan sehari-hari, bermakna kurangnya nilai hormat antara generasi muda dan tua. Oleh itu, masyarakat Melayu hari ini mesti mempertahankan dan mengamalkan sistem panggilan keluarga, kerana ia merupakan khazanah budaya dan bahasa Melayu. Hakikatnya, tidak ada mana-mana bahasa di dunia ini, yang menggunakan sistem yang sama dengan sistem panggilan keluarga orang Melayu. Justeru, orang Melayu mesti menghargainya dan meletakkan ia di tempat yang tinggi, iaitu menjadi jati diri bangsa Melayu.

Nilai kepemimpinan merupakan salah satu nilai yang diutamakan oleh orang Melayu. Orang yang mempunyai pengaruh dan kuasa akan dipandang tinggi oleh anggota masyarakat. Lazimnya, golongan ini terdiri daripada barisan pemimpin yang bermula daripada pemimpin rumahtangga, dusun, kampung sehinggalah kepada pemimpin bangsa dan negara. Mereka akan dimuliakan dan diutamakan daripada orang lain serta menjadi rujukan dalam menyelesaikan masalah. Sehubungan itu, orang Melayu amat berhati-hati dalam menilai dan memilih pemimpin. Pemimpin yang terpilih mestilah memiliki keperibadian mulia, agar dapat memberi keamanan dan kemakmuran kepada anggota masyarakatnya. Dalam novel SAGA, pemilihan Utih Rahman sebagai pemimpin dan ketua kampung adalah sangat tepat. Pengarang menggambarkan peribadi Utih Rahman sebagai seorang pemimpin yang mantap agamanya, adil, jujur, berani, sabar, bertimbang rasa dan bijaksana. Hal ini dapat diperhatikan dalam novel SAGA (muka surat 68), yang memaparkan kebijaksanaan dan keadilan Utih Rahman menyelesaikan masalah keluarga. Antara petikan kata-kata beliau ialah, *“Sabar dulu Arah. Biar kita dengar dulu ceritanya”*. Kata-kata tersebut ditujukan kepada isterinya Saarah, yang sedang marah terhadap Munirah. Ketegasan Utih Rahman terhadap isterinya menunjukkan beliau tahu membezakan kedudukannya, antara ketua pemimpin dan suami. Dengan kata lain, Utih Rahman seorang pemimpin yang telus dan adil.



Selanjutnya, terdapat juga peristiwa yang menunjukkan orang Melayu mempunyai nilai kerohanian yang tinggi, iaitu tahu membezakan antara halal dan haram. Hal ini dapat diperhatikan melalui kata-kata Seman, "*Sumpah cikgu. Saya ingat pesan itu. Beberapa hari dulu ada budak nak menjual durian dengan saya lebih kurang sepikul. Tapi saya tahu durian tu durian curi, saya tak ambil*", (muka surat 248). Selain itu, kata-kata yang diucapkan oleh Hisyam, "*Itulah yang tidak baiknya. Agama kita melarang. Soal judi tetap haram. Tak baik duit judi jadi darah daging. Undang-undang pun melarang kita berjudi*", (muka surat 249). Melalui dua contoh di atas, bolehlah dikatakan jiwa Seman dan Hisyam telah tertanam dengan nilai kerohanian, yang menghubungkan mereka dengan Allah. Orang yang tidak memiliki nilai kerohanian, sangat mudah melakukan perkara-perkara mungkar sehingga dimurkai oleh Allah.

Secara keseluruhannya, sistem nilai orang Melayu mengandungi nilai-nilai sejagat yang boleh diterima oleh sesiapa sahaja. Sekiranya, nilai ini dihayati maka bangsa Melayu akan menjadi sebahagian daripada umat Islam yang berjaya, maju dan cemerlang. Inilah sebenarnya jati diri orang Melayu.

#### **v.      Pemikiran**

Secara prinsipnya, aliran pemikiran orang Melayu adalah berpaksikan kepada ajaran agama Islam. Walau bagaimanapun, faktor adat, budaya dan persekitaran turut mempengaruhi kerangka fikiran mereka. Dalam novel SAGA, terdapat dua aliran pemikiran masyarakat Melayu, iaitu pemikiran negatif dan

pemikiran positif. Namun, perbincangan ini hanya tertumpu kepada pemikiran positif, yang dapat dikesan melalui tutur kata, tindakan, wawasan dan hasrat seseorang itu. Melalui pemikiran positif, nilai-nilai murni dapat diterapkan dalam kehidupan orang Melayu supaya bersikap lebih terbuka, berdaya saing dan mencipta lebih banyak kejayaan.

Dalam novel SAGA, watak Rahmat, Hisyam dan Munirah digambarkan oleh pengarang sebagai anak muda yang bercita-cita tinggi. Mereka dikatakan ingin mengubah minda masyarakat kampung, supaya menerima pembangunan dan pemodenan. Hakikatnya, bukan mudah untuk mengubah sikap masyarakat kampung yang telah sebatu dengan pemikiran konservatif. Namun, keberanian dan semangat luar biasa yang ada pada mereka telah menyebabkan Rahmat, Hisyam dan Munirah sanggup meredah cabaran. Hal ini dapat diperhatikan di muka surat 41 apabila Rahmat menyatakan, *“Kalau tidak kita, aku ataupun kau tampil ke muka untuk membasuh daki kejahatan, kemunduran bangsa kita, siapa lagi? Tidak ada orang yang akan datang dari langit untuk membuatnya. Hanya aku atau kau atau Munirah sendiri”*. Berdasarkan kata-kata itu, jelas menunjukkan pemikiran Rahmat yang berusaha untuk mengangkat martabat bangsa Melayu ke tempat yang tinggi. Beliau percaya, hanya orang Melayu sahaja yang boleh mengubah nasib bangsa Melayu, dan peranan itu mesti dimulakan oleh generasi muda seperti mereka. Pemikiran Rahmat ini melambangkan pemikiran Melayu baru, yang berkeyakinan tinggi, bersifat luhur, bijaksana, berwawasan dan sebagainya. Inilah sifat-sifat kemelayuan yang diharapkan daripada generasi muda sekali gus dapat menjadi jati diri bangsa Melayu.

Selain itu, keterbukaan dan kebijaksanaan Rahmat juga terserlah apabila beliau menyatakan, *“Okey-okey... aku bercakap ni macam angan-angan Mat Jenin. Tetapi salahkah kalau dibina cita-cita dan hasrat dengan berlandaskan usaha yang giat daripada angan-angan itu? Bagi tahu aku, siapa yang tidak pernah berangan-angan? Hitler sendiri pun pernah berangan-angan untuk mendapat kekuasaan melalui Nazismenya. Siapa pun begitu,”* (muka surat 82). Melalui kata-kata itu, Rahmat telah mengubah persepsi masyarakat terhadap orang yang suka berangan-angan. Lazimnya, angan-angan itu diibaratkan seperti mimpi yang tidak mungkin menjadi kenyataan. Namun, Rahmat melihat angan-angan itu sebagai perintis untuk mencapai matlamat hidup. Apa yang penting, orang Melayu mesti bekerja kuat untuk merealisasikan matlamat itu. Kekuatan seperti inilah yang mesti ada dalam jiwa orang Melayu jika ingin mencapai kejayaan. Sebaliknya, orang Melayu patut merasa malu jika mereka hanya mampu berangan-angan, tetapi tidak mampu untuk menjadikan angan-angan itu satu kenyataan. Jika dilihat kepada senario hari ini, sudah sampai masanya orang Melayu mengubah corak pemikiran sedia ada. Mereka perlu meneroka dunia globalisasi dengan penuh berani, tetapi mengikut acuan sendiri.

Dalam novel SAGA, cara berfikir yang bersih dan teratur merupakan sebahagian daripada identiti orang Melayu yang wajar dicontohi. Hal ini dapat diperhatikan melalui kata-kata yang diucapkan oleh Hisyam kepada Seman iaitu, *“Jangan dibeli barang-barang dicuri sudahlah. Dalam hal perniagaan, kita tidak patut membelakangkan hukum-hukum Allah. Kalau kita lurus berniaga mengikut landas-landas suruhan agama, perniagaan kita tentunya dirahmati Allah,”* (muka

surat 248). Apa yang diperkatakan oleh Hisyam ini merupakan satu peringatan kepada orang Melayu, supaya mencari rezeki yang halal dan menghindarkan diri daripada perbuatan yang haram. Dalam hubungan ini, setiap perniagaan yang dilakukan hendaklah berlandaskan kepada amalan Islam, supaya perniagaan itu mendapat keberkatan daripada Allah. Pemikiran yang ditonjolkan oleh Hisyam ini merupakan lambang peribadi Islam-Melayu, iaitu malu untuk melakukan dosa kerana taat kepada Pencipta-Nya. Sehubungan itu, orang Melayu mesti menjadikan kerangka fikiran Hisyam ini sebagai asas jati diri, supaya tidak terpesong daripada hukum agama.

Berdasarkan beberapa contoh yang diberikan, orang Melayu hari ini harus membentuk satu pandangan hidup yang baru, iaitu melihat dunia yang baru dengan cara yang baru. Dalam hal ini, pendidikan memainkan peranan yang besar untuk membentuk pemikiran orang Melayu yang kritis, praktikal dan berdaya saing. Pada masa yang sama, pemikiran orang Melayu haruslah berteraskan minda Islam. Minda Islam yang kreatif dapat mencetuskan idea-idea besar yang mampu menjana perubahan. Sememangnya, perubahan mentaliti dan sikap ini perlu dalam usaha untuk memperkasa bangsa Melayu.

## **5.2 Cadangan**

Berikut dikemukakan beberapa cadangan bagi memantapkan lagi ilmu mengenai konsep malu yang mendasari kehidupan orang Melayu:

1. Kajian ini menggesa supaya lebih banyak penyelidikan dilakukan mengenai konsep malu orang Melayu, terutamanya yang berbentuk

lapangan. Kajian tersebut perlu dilakukan dengan teliti dan penuh kesedaran supaya ianya tidak terpesong daripada fakta sebenar. Ruang lingkup kajian hendaklah luas, iaitu merangkumi pelbagai aspek kehidupan orang Melayu. Ini penting supaya dapatan kajian itu nanti tidak mengelirukan orang Islam dan bukan Islam. Selain itu, dapatan kajian juga perlu dibahaskan dalam persidangan tempatan mahupun antarabangsa. Ia merupakan salah satu kaedah terbaik untuk berkongsi ilmu dengan orang lain tentang konsep malu orang Melayu.

2. Kajian ini telah memperlihatkan kepentingan untuk menjaga air muka, sama ada air muka sendiri mahupun air muka orang lain daripada terjejas. Walau bagaimanapun, masih ramai dalam kalangan kita yang gagal mengawal emosi sehinggakan tidak mempedulikan air muka orang lain. Dengan kata lain, sifat malu semakin terhakis daripada jiwa orang Melayu terutamanya generasi muda yang semakin terabai nilai dan jati diri Melayunya. Sehubungan itu, sistem pendidikan mesti mampu memainkan peranannya untuk menggubal satu kurikulum yang bersepadu dan berkualiti selaras dengan falsafah pendidikan negara. Justeru, konsep malu orang Melayu boleh diterapkan dalam kurikulum tersebut dan objektifnya mesti jelas. Ini penting bagi melahirkan generasi muda yang mempunyai sifat malu, berakhlak mulia, berdaya saing dan memiliki jati diri yang tinggi. Apabila konsep malu ini telah sebatikan dalam diri maka setiap cabaran dan rintangan dapat diharungi dengan penuh keyakinan.

3. Kajian ini telah membuktikan bahawa konsep malu orang Melayu merupakan satu pegangan hidup yang kukuh. Ia dapat membentuk akhlak dan peribadi individu ke arah kebaikan dan meninggalkan kemungkaran. Sehubungan itu, semua pihak harus memainkan peranan untuk memartabatkan konsep malu orang Melayu ini. Antara kaedahnya, membimbing generasi muda sejak diperingkat awal lagi supaya menggunakan bahasa yang baik dan sopan semasa berkomunikasi. Dalam hubungan ini, ukuran bahasa yang baik ialah bahasa yang tidak mengandungi kesalahan-kesalahan struktur, sebutannya seragam, sesuai dengan suasana, dilafazkan dengan nada yang bersesuaian dan indah bahasanya. Penggunaan kiasan Melayu dilihat sebagai salah satu cara untuk mendidik generasi muda supaya sentiasa menjaga tutur kata dan tingkah laku. Ini kerana kiasan Melayu banyak memberikan gambaran kepercayaan, nilai dan pegangan hidup, perlakuan, tingkah laku dan peraturan yang harus dipatuhi oleh anggota masyarakat. Pada masa yang sama, konsep malu orang Melayu dapat diteroka dan diteliti dengan lebih mendalam. Ia penting bagi membentuk jati diri generasi muda yang berteraskan nilai budi dan adab.

### **5.3 Penutup**

Secara keseluruhannya, SAGA merupakan sebuah hasil karya yang dapat mengungkap sifat, emosi dan konsep malu orang Melayu dalam pelbagai aspek kehidupan. Setiap peristiwa malu yang digarapkan oleh pengarang

memperlihatkan kesedarannya untuk memberikan peringatan kepada pembaca, supaya berhati-hati dalam menjaga tutur kata dan tingkah laku agar tidak mengaibkan diri, keluarga dan masyarakat. Dalam hubungan ini, konsep malu yang berlandaskan Al-Quran dan Sunnah mesti dijadikan asas kehidupan orang Melayu. Melalui konsep malu, orang Melayu menyedari harga diri, maruah dan kedudukannya di sisi Allah. Seterusnya, nilai-nilai baik yang terkandung dalam konsep tersebut dapat menjadikan bangsa Melayu sebahagian daripada umat Islam yang berjaya, maju dan cemerlang. Walau bagaimanapun, ada dalam kalangan orang Melayu yang semakin hilang sifat malunya. Mereka bersikap kasar, mementingkan diri, melemparkan fitnah dan sanggup menghuru-harakan hidup orang lain demi mencapai kepentingan peribadi. Mereka ini merupakan golongan yang telah mati hati dan jiwanya. Dalam hal ini, kefahaman terhadap ilmu Islam yang sebenarnya sangat penting, supaya orang Melayu dapat memberikan imej Islam yang tinggi, iaitu baik tingkah laku dan budi pekertinya. Kekuatan bangsa Melayu sememangnya tidak dapat dipisahkan dengan ajaran Islam. Islam mengatur kehidupan orang Melayu dengan prinsip syariah, mengetahui perkara yang maaruf dan mungkar, wajib dan haram, supaya orang Melayu berada di landasan yang benar. Paling penting, sentiasa mendapat keredhaan Allah baik di dunia mahupun di akhirat.

### **Bibliografi**

- A. Aziz Deraman (2000). "Bahasa Asas Pembinaan Tamadun Bangsa". *Kumpulan Kertas Kerja Kolokium Bahasa dan Pemikiran Melayu/Indonesia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.